

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 17 November 2014 (Isnin)

SOALAN

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula dasar Kerajaan berkenaan pengangkutan awam, terutamanya bas awam yang beroperasi tidak mengikut jadual yang ditetapkan sekali gus menyusahkan rakyat terbanyak yang menggunakannya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah pun membangunkan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang telah diluluskan 16 Oktober 2013.

2. Pelan ini mengandungi dasar dan rancangan peringkat makro, termasuk skim dan program bagi pengangkutan awam darat.

3. Penambahbaikan sistem perkhidmatan bas awam adalah salah satu program yang diberi perhatian. Satu model baru bagi perkhidmatan bas awam yang antaranya memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan bas itu telah dikenalpasti. Model ini antaranya menetapkan tahap perkhidmatan mengikut penjadualan serta pematuhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN
IKOM
[SARATOK]**

TARIKH : **17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

SOALAN : **43**

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjelasan terhadap protokol 'mengawal pesawat terhempas' dan sejauh menakah MAS mematuhi protkol yang tersebut untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat kepada umum serta mengelak keluarga mangsa daripada memperoleh maklumat salah dari sumber lain khususnya dalam insiden MH370 dan MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak MAS bertanggungjawab mengurus perihal perkara-perkara mengenai hal ehwal mangsa dan keluarga mangsa yang terlibat mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada yang disediakan syarikat. Bagi pendedahan maklumat, pihak MAS hanya membenarkan nama-nama pegawai dan jawatan yang tertulis di dalam SOP berkenaan untuk mengeluarkan sebarang maklumat/kenyataan mengenai perkara tersebut.

MAS mempunyai Arahan Pentadbiran/Pekeliling mengenai perkara ini kepada kakitangannya. Setakat ini adalah dipercayai bahawa arahan ini dipatuhi oleh semua kakitangan syarikat tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 44

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan usaha mencari pesawat MH370, negara manakah yang terlibat dan jumlah kos yang terbabit setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 13 November 2014, kawasan seluas 5,000 kilometer persegi daripada 160,000 kilometer persegi kawasan pencarian yang dipetakan dalam bathymetric survey sudah diterokai bagi mencari serta mengesan lokasi pesawat MH370.

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM32,642,167.76 bagi menampung kos operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370.